

SOALAN NO: 491

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : BL8 [PR-1343-T76526]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah keperluan pembinaan perumahan di atas LOT 27544, Jalan Meranti di Mukim Setapak sedangkan terdapat bantahan dari penduduk sekitar berkenaan dengan pembinaan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam meluluskan sesuatu permohonan telah mengambil kira aspek-aspek perancangan penting seperti kesesuaian pembangunan di tapak dan kawasan sekitarnya.

Tapak Lot 27544, Jalan Meranti, Mukim Setapak telah diluluskan Perintah Pembangunan (D.O.) pada 11 Mei 2016 bagi pembinaan 1 blok 24 tingkat dengan 160 unit rumah mampu milik serta kemudahan penduduk.

Kelulusan ini selaras dengan perancangan di tapak serta penyediaan unit-unit rumah mampu milik ini dapat memberi ruang kepada rakyat yang berkelayakan untuk membeli serta menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan terancang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Pelawaan Bantahan melalui Kaedah 5 merupakan satu cara pihak DBKL memberi ruang kepada pemilik sekitar untuk memberi pandangan mengenai pembangunan yang akan dilaksanakan. Bantahan yang diterima bukanlah merupakan keputusan yang muktamad bahawa permohonan tersebut ditolak terus. Pihak DBKL akan mengkaji secara terperinci pembangunan tersebut sama ada ditolak atau boleh diluluskan atas alasan-alasan yang kukuh bahawa pembangunan ini lebih menjana kepada kebaikan rakyat berbanding isu yang dibangkitkan oleh pembantah.